

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KITAR SEMULA SEKOLAH**  
**TADIKA 2014 & PELANCARAN KITAR SEMULA SEKOLAH TADIKA**  
**2015**  
**AUDITORIUM MPSP, BANDAR PERDA**  
**30 JANUARI 2015 (JUMAAT), JAM 9.30 PAGI**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis – Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tn Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Lion Ooi Chao Syhuan**  
District Governor, Kelab Lion Antarabangsa 308B2

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Guru-guru dan pelajar-pelajar tadika**

**Rakan-rakan Media**

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika 2014 & Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika 2015 pada pagi ini. Ribuan terima kasih diucapkan pada guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Lion Club yang menaja hadiah-hadiah untuk program ini untuk tahun kedua.

Guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Untuk makluman tahun ini adalah tahun kedua MPSP menganjurkan Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan tahun juga adalah tahun kedua Kelab Lion Antarabangsa 308B2 menjadi penaja untuk program ini. Pada tahun ini, sebanyak 40 hadiah berupa wang tunai telah disediakan bagi anugerah tersebut.

Pada tahun 2014, sebanyak 46 buah sekolah tadika telah menyertai pertandingan ini. 31 buah sekolah adalah dari tadika perpaduan, penghargaan dirakamkan kepada Jabatan Perpaduan dan Integasi

Nasional kerana membantu dalam kempen penyertaan dan promosi kitar semula sekolah tadika.

Untuk Pertandingan Kitar Semula Sekolah Tadika 2014, Majlis hanya menerima 13 laporan dari 46 buah sekolah tadika yang mengambil bahagian. Daripada laporan tersebut panel juri telah membuat keputusan iaitu 4 sekolah menerima cemerlang bersama dengan hadiah wang tunai berjumlah RM200.00 setiap sekolah dan 9 sekolah menerima saguhati sebanyak RM100.00.

Pada tahun ini, MPSP mensasarkan sebanyak 70 buah sekolah tadika akan mengambil bahagian. Majlis akan memberi latihan kepada guru-guru dan murid-murid mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik. Bahan yang boleh dikitar semula dikumpul untuk jualan, tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah dan sisa organik dijadikan kompos.

Secara mudah konsep ini mengajak kita supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sekolah merupakan tempat paling tepat untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini adalah kerana hanya di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan. Apabila sudah dewasa atau keluar dari alam persekolahan, seorang manusia akan lebih sukar untuk dididik seperti kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”. Sekolah yang juga dianggap sebagai rumah kedua bagi setiap pelajar dapat memupuk mereka mempraktikkan amalan mesra alam seawal usia muda dan dapat memastikan kesinambungannya sehingga mereka dewasa kelak. MPSP berharap tong sampah yang terletak di luar pagar sekolah suatu hari nanti tidak diperlukan lagi.

Untuk makluman semua, pada tahun 2014 MPSP telah berjaya mencapai kadar kitar semula sebanyak 35% iaitu bersamaan 233,790.681 tan. Dengan menjalankan kitar semula kita berjaya menjimatkan kos sebanyak RM4,722,571.76 (233,790.681 tan x RM20.20/tan) untuk *tipping fee*.

Akhir kata, dengan mengamalkan kitar semula ini, kita bukan saja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah

kita juga dapat menggunakan peruntukan tersebut untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan penduduk Seberang Perai. Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada alam sekitar kita namun dengan menyertai program ini sebenarnya ia merupakan titik tolak kita mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam. Ucapan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Kelab Lion Antarabangsa 308B2 yang sudi bekerjasama menaja hadiah-hadiah untuk program ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika 2014 & Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika 2015.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.